

## Dialog Antara Agama Menurut Perspektif Fethullah Gulen

### *Fethullah Gulen Perspectives on Interfaith Dialogue*

Mohd Hatib Ismail<sup>i</sup>, Ahmad Sunawari Long<sup>ii</sup> & Zul'azmi Yaakob<sup>iii</sup>

<sup>i</sup> Pelajar pascasiswazah, Ph.D. Universiti Kebangsaan Malaysia. P89955@siswa.ukm.edu.my

<sup>ii</sup> Professor Madya. Universiti Kebangsaan Malaysia. aslong@ukm.edu.my

<sup>iii</sup> Pensyarah Kanan. Universiti Kebangsaan Malaysia. zulazmi@ukm.edu.my

#### Article Progress

Received: 20 Oktober 2018

Revised: 10 November 2018

Accepted: 18 December 2019

<b>Abstrak</b>	<b>Abstract</b>
<p><i>Dialog antara agama menjadi salah satu cara menangani perbezaan dalam kalangan manusia bagi mewujudkan keamanan global. Fethullah Gulen merupakan tokoh berpengaruh yang menjadi tumpuan para pengkaji membincangkan soal keamanan global melalui dialog antara agama. Kajian ini akan memfokuskan perbincangan mengenai pemikiran gulen terhadap dialog antara agama dengan menganalisis data yang diperolehi melalui karya Gulen, laman sesawang rasmi dan artikel-artikel berkaitan dialog antara agama. Dapatkan menunjukkan bahawa pemikiran Gulen terhadap dialog antara agama secara teorinya berdasarkan pendidikan dan fahaman terhadap agama. Dialog juga dijalankan secara praktikal melalui jaringan sosial dan pergerakan Gulen .</i></p> <p><b>Kata kunci:</b> <i>Dialog antara agama, Keamanan global, Pergerakan Gulen</i></p>	<p><i>Interfaith dialogue is one of the methods to overcome differences among people for creating global peace. Fethullah Gulen is an influential figure who attracts researchers to discuss the issue global peace through the interfaith dialogue. This study will focus on Gulen's thoughts of interfaith dialogue by analyzing data from his works, official websites and articles that related with interfaith dialogue. The findings show that Gulen's thought on interfaith dialogue theoretically based on education and understanding of religion. Dialogue was implemented practically by using social networks and the Gulen's Movement (Gulen Hareketi).</i></p> <p><b>Keyword(s):</b> <i>Interfaith Dialogue, Global Peace, Gulen's Movement</i></p>

## PENDAHULUAN

Gulen adalah seorang sarjana muslim yang aktif dalam pelbagai bidang sehingga diiktiraf sebagai tokoh sufi, intelektual, pendidikan Islam, pendakwah, pemikir

berpengaruh, pejuang keamanan, pendokong dialog dan aktivis sosial (Yucel 2010; Ahsan Khan 2011; Albayrak 2011; Ali Salihin 2014; Ahmad 2017). Pada tahun 2008, beliau telah diangkat sebagai *The World's Top 100 Public Intellectuals* oleh *Washington-based Carnegie Endowment for International Peace* (Lacey 2014). Beliau juga telah disenarai sebagai antara tokoh paling berpengaruh dalam *The Muslim 500 : The World's 500 Most Influential Muslims* selama lima tahun berturut-turut (2009-2015) berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh *The Royal Islamic Strategic Studies Centre* (Schleifer 2015). Pemikiran tokoh ini telah menjadi tumpuan para ahli akademik dari blok timur dan barat untuk menjalankan kajian sekali gus mempopularkan beliau di mata dunia sebagai seorang yang amat berpengaruh. (Balci 2003; Saritoprak & Griffith 2005; Kurtz 2005; Billici 2006; Celik & Valkenberg 2007; Yucel 2010; Ahsan Khan 2011; Albayrak 2011; Yucel 2013; Ali Salihin 2014; Turam 2015; Kayaoglu 2015; Ghulam & Munaza 2016; Ahmad 2017). Anjuran untuk mengkaji pemikiran beliau dibuktikan dengan penganjuran persidangan-persidangan akademik khas terhadap sumbangan beliau terhadap bidang pendidikan, sosial, dialog antara agama dan gerakan Gulen (Gulen Movement) (Albayrak 2011).

Pertubuhan yang diketuainya sendiri dikenali sebagai *Gulen's Movement*(pergerakan Gulen) merupakan satu gerakan yang paling berjaya dan terkenal sebagai *faith-based movement* (pergerakan berasaskan agama) (Keles 2007). Gerakan berasaskan kepercayaan ini membawa mesej yang penting untuk mewujudkan dunia yang lebih baik (Light 2004) melalui gerakan aktivis, *interfaith* (antara agama) dan *intercultural dialogue* (dialog antara budaya). Pendekatan yang diperkenalkan Gulen dalam gerakan beliau merupakan satu anjakan paradigma yang dilihat mempunyai matlamat dan visi yang jauh serta berpotensi dalam menyebarkan syiar Islam di mata dunia.

Namun, tokoh ini juga tidak terkecuali dengan isu-isu kontroversi, pada tahun 1998 beliau dituduh berkomplot menentang kerajaan Turkey sehingga memaksa beliau berpindah ke Amerika Syarikat dan terus tinggal di Saylorsburg, Pennsylvania (Turam 2015). Beliau juga turut didakwa sebagai pencetus kepada satu organisasi pro-keganasan oleh kerajaan Turki dan sekutunya dalam peristiwa cubaan penggulingan kuasa *The Atetempted Coup of the 15<sup>th</sup> of July* (Yavuz & Koc 2016; Amjad Hussein & Ali Ayten 2017). Berikutan peristiwa terbabit, Gulen menjadi orang yang paling dikehendaki oleh kerajaan Turki selepas dituduh sebagai dalang utama peristiwa cubaan untuk menggulingkan kerajaan di bawah pemerintahan Recep Tayyip Edorgan. Walaupun dalam sebuah wawancara khas, Gulen menafikan dakwaan tersebut, isu ini tetap menjadi satu tumparan hebat terhadap kewibawaan seorang tokoh yang menganjurkan kedamaian dunia.

Hubungan antara Gulen dan kerajaan Amerika Syarikat juga dipolemikkan apabila beliau dituduh sebagai pro-Amerika kerana tidak mengutuk perbuatan Amerika yang selalu masuk campur dalam pergolakan yang sering berlaku di Timur Tengah. Beliau juga turut dikritik apabila sering mengutuk serangan berani

mati yang dilakukan, tetapi tidak mengutuk Israel yang mencabul hak asasi manusia ( Yucel 2010). Isu ini timbul lantaran sikap Gulen yang nampak berat sebelah (*bias*) dengan mengutuk perbuatan sebelah pihak sahaja, tetapi mendiamkan perbuatan sebelah pihak yang lain.

Gulen amat terkesan dengan kejadian keganasan seperti serangan *World Trade Centre* pada 11 September 2001 yang memberi dampak pandangan negatif dunia terhadap Islam, setelah perbuatan tersebut cuba dihalakan kepada dunia Islam. Keganasan yang digambarkan terhadap dunia Islam tidak dipersetujui oleh Gulen. Menurut beliau Islam tidak menggalakkan keganasan, sebaliknya menentang hal tersebut. Islam adalah agama yang aman, di dalamnya terkandung perintah untuk mengamalkan kasih sayang dan toleransi dalam kalangan manusia (HM, Syamsudini 2013). Gulen dan komunitinya adalah mereka yang berusaha mengembalikan imej positif kepada Islam daripada imej negatif.

Gulen mengkritik pendekatan Islam radikal dan fahaman ekstrem dogmatis. Gulen (2003) menggambarkan dogmatisme seperti berikut :

*"If dogmatism means to accept or copy something blindly without leaving room for free thought and use of mental faculties, there is no dogmatism in Islam. Especially under the conception of religion that has developed in the West, knowing and believing are considered as different things. In Islam, however, they complement each other. The Quran insists that everyone use his or her mental facilities (thinking, reasoning, reflecting, pondering, criticizing and evaluating)"* (Jika dogmatisme bermaksud menerima atau menyalin sesuatu secara membuta tanpa meninggalkan ruang untuk berfikir semula dan menggunakan kebolehan akal, tidak ada dogmatisme dalam Islam. Terutama di bawah konsep agama yang telah berkembang di Barat, mengetahui dan mempercayai dianggap sebagai perkara yang berbeza. Walau bagaimanapun, dalam Islam, kedua-duanya saling melengkapi. Al-Quran menegaskan bahawa setiap orang perlu menggunakan kebolehan akalnya (berfikir, taakulan, merenung, meneliti, mengkritik dan menilai)

Jelasnya, Gulen menggambarkan bahawa dalam Islam perkara pokok yang wajib difahami ialah konsep Islam yang lebih tepat adalah bersederhana iaitu tidak melampau-lampau dan tidak pula bermudah-mudah dalam agama. Islam agama yang mengimbangi hal dunia dan akhirat, sifat cintakan dunia dan sifat zuhud, dan mengamalkan al-Sunnah yang praktikal mengikut situasi. Maka, antara usaha yang dijalankan adalah mengembangkan lebih daripada 1000 buah sekolah di peringkat global melalui Gerakan Gulen, yang mana sibus pembelajaran mengikut acuan pemikiran dan ajaran Gulen. Usaha tersebut memupuk kesedaran terhadap pendidikan Islam yang sebenar, berbanding didikan yang bersifat radikal dan fahaman dogmatis (Ghulam & Munaza 2016).

Tindakan Gulen mempromosikan dialog antara agama juga tidak disenangi oleh kumpulan Islam radikal. Mereka menganggap aktiviti dialog antara agama yang dijalankan Gulen lebih menimbulkan kecurigaan daripada mengalakkan minat terhadap agama. Lebih buruk lagi, ada sesetengah kumpulan sampai ke

tahap mengkufurkan beliau (Yucel 2010). Tuduhan yang amat keras terhadap Gulen bertentangan dengan apa yang wujud pada peribadi dan tingkah laku beliau. Justeru itu, perlu diselidiki kebenaran dengan meneliti dan menganalisis pemikiran beliau terhadap dialog antara agama.

Dialog antara agama menjadi satu perkara yang amat ditekankan oleh Gulen dalam menjawab isu keamanan global sehingga menjadi salah satu subjek utama dalam banyak hasil tulisan, ucapan, dan gerakan sosial yang diasaskan beliau. Dialog merupakan salah satu usaha beliau membina jambatan antara ajaran Islam dan dunia moden, serta menghubungkan nilai-nilai tamadun Islam dan nilai-nilai kemanusiaan sejagat tamadun lain. Walaupun Gulen dan gerakan beliau ditekan dengan isu-isu dalam negara sendiri, namun ia masih signifikan sebagai satu contoh pergerakan Islam terbaik masa kini mendepani arus global (Billici 2006).

Pemikiran Gulen dalam dialog antara agama telah menjadi subjek kajian ramai sarjana dalam pemikiran Islam semasa. Pemikiran dan gerakan yang diasaskan beliau mendapat sambutan dan tumpuan bagi ahli akademik untuk diselidiki biografi, dianalisis karya-karya, dikenalpasti pengaruh, dihuraikan pemikiran, dan diaplikasi idea dan teori dari semasa ke semasa ( Balci 2003; Saritoprak & Griffith 2005; Kurtz 2005; Gulay 2007; Yucel 2010; Ahsan Khan 2011; Albayrak 2011; Yucel 2013; Ali Salihin 2014; Turam 2015; Kayaoglu 2015; Ghulam & Munaza 2016; Ahmad 2017). Tiada keraguan lagi bahawa tokoh ini mempunyai pengaruh besar dalam dunia Islam khususnya dan dunia global amnya. Oleh itu, signifikannya, kajian terhadap pemikiran beliau perlu diteruskan dalam arena akademik supaya dalam peredaran masa, pemikiran Gulen terhadap dialog antara agama tidak terlepas pandang.

## KELAHIRAN DAN PERIBADI

Nama sebenar beliau ialah Muhammad Fethullah Gulen. Beliau lahir di Erzurum, di sebelah timur Anatolia, Turki pada tahun 1941 (Saritoprak & Griffith 2005). Beliau membesar dalam persekitaran keluarga yang amat menitik beratkan mengenai soal keagamaan. Justeru, pendidikan awalnya bermula sejak dari rumah di mana guru pertama beliau adalah ibu bapanya sendiri. Ibunya yang mengajarkan al-Quran kepada beliau dan rakan-rakan di kampung, manakala ayahnya pula adalah seorang imam yang amat dihormati (Turam 2015; Kurtz 2005). Beliau memperoleh pendidikan agama di beberapa buah institusi pengajian tradisional yang berada di sekitar kawasan tempat tinggalnya. Pendidikan dan kemahiran yang diperoleh daripada guru dan agamawan yang masyhur pada ketika itu menjadikan beliau seorang yang mahir dalam bidang agama.

Antara guru beliau iaitu Muhammad Lutfi yang mengajar tentang Ilmu kerohanian dan latihan keagamaan. Manakala, pembelajaran bahasa Arab oleh Sadi Efendi dan guru al-Quran oleh Haci Sidqi Efendi. Gulen telah menghafaz keseluruhan al-Quran di usia yang sangat muda iaitu ketika berusia 7

tahun (Yucel 2010; Saritoprak & Griffith 2005). Berkat usaha dan ketekunan Gulen dalam pengajian telah berjaya membuatkan hasil apabila mendapat keputusan yang cemerlang seterusnya mengatasi rakan-rakan sebaya dengannya. Pada tahun 1958, Gulen mendapat tauliah menjadi pengkhutbah (*preacher's lisence*) dan di hantar bertugas ke Izmir, iaitu wilayah ketiga terbesar di Turki.

Di usia 20-an (1959), Gulen telah berpindah ke Edirne di Kota lama Turki berhampiran dengan sempadan Balkan untuk bertugas sebagai imam. Di samping mengajar al-Quran dan bahasa Arab beliau juga telah mengembara ke serata tempat di Turki untuk menyampaikan ceramah mengenai isu keagamaan, sosial dan etika. Meskipun begitu, ceramah beliau tidak terhad kepada persoalan agama tetapi berkaitan pendidikan, sains, *darwinism*, ekonomi dan keadilan sosial sama ada secara formal dan tidak formal (Light 2004).

Ketokohan Gulen amat dikagumi dalam kalangan masyarakat Turki. Maka, tidak hairanlah beliau dikenali sebagai sarjana dan pemikir Islam yang berprofil tinggi sehingga ke hari ini. Penulisan beliau menjadi inspirasi jutaan manusia dan telah tersebar di beberapa ratus institusi pendidikan seluruh dunia (Yucel 2010). Dari sudut kewibawaan beliau sebagai pemimpin pergerakan, *Gulen's community* aktif menyebarkan mesej dan idea beliau ke seluruh dunia. Ini dibuktikan dengan pengikut-pengikut beliau telah mengasaskan sekolah di banyak Negara, antara; Bosnia, Brazil, Indonesia dan Kazakhstan. Diikuti lebih 300 buah sekolah swasta didirikan dan tujuh buah universiti di bawah gabungan *Gulen's community*. Hasilnya, terdapat seramai 26,500 orang pelajar dan lebih 6000 orang guru seluruh dunia di bawah gagasan Gulen. Untuk di Turki sahaja terdapat lebih 150 buah sekolah swasta dibangunkan oleh gagasan Gulen(Balci 2003; Gulay 2007; Kayaoglu 2015; Ghulam & Munaza 2016).

## METODOLOGI KAJIAN

Perolehan data dalam kajian ini adalah melalui sumber-sumber penulisan seperti kertas kerja (prosiding), buku, jurnal dan artikel yang membincangkan dialog antara agama. Sumber data dikategorikan kepada; pertama, karya-karya utama Fethullah Gulen sendiri tentang dialog antara agama dengan menggunakan pendekatan analisis kandungan (content analysis) secara konseptual (merujuk kepada istilah *Interfaith dialogue* dan konsep-konsep asasnya *Love, Compassion, Tolerance* dan *Forgiving*); Kedua, kajian literatur dijalankan terhadap pemikiran Fethullah Gulen dan aktiviti pergerakan Gulen untuk mengenalpasti *interaction* (interaksi) dan *engagement* (perhubungan) yang berlaku (Gulay 2007).

## PENGERTIAN DIALOG ANTARA AGAMA

Istilah dialog membawa banyak maksud, bagaimanapun maksud dan had penggunaanya bergantung pada konteks dan perspektif perbincangan. Perkataan dialog berasal daripada suku kata Greek "*dialego-mai*" yang bermaksud sesuatu

perbuatan yang membolehkan kita mencapai “*logos*” iaitu idea, atau daripada kata dasar “*dia*” bermaksud tindakan membawa kepada “*logos*” yang bererti percakapan (idea). Dari sudut kata kerja dalam bahasa Inggeris pula, dialog merujuk kepada perbuatan “*to confer*”(perundingan) yang lebih dekat dengan maksud “*to give*”(mengeluarkan pendapat) atau “*to meet*”(bersemuka) atau “*to exchange views*”(bertukar pandangan) atau “*to negotiate*”(perundingan) (Zia-ul-Haq 2014; Pruitt 2011).

Dari sudut konteks dialog antara agama, ianya merujuk kepada interaksi dan hubungan yang berlaku dalam kelompok manusia yang mempunyai latar belakang agama, amalan kerohanian, ideologi dan kepercayaan yang berbeza. Menurut Gulen (2004), dialog asasnya adalah berjumpa, duduk bersama, berbincang dan salah satu cara membentuk ikatan tali persaudaraan. Seperti mana beliau nyatakan berikut;

*“Dialogue means the coming together of two or more people to discuss certain issues, and thus the forming of a bond between these people. In that respect, we can call dialogue an activity that has human beings at its axis”* (Dialog bermaksud duduk bersama antara dua orang atau lebih untuk membincangkan isu-isu tertentu, dan dengan itu akan membentuk ikatan antara mereka. Sehubungan itu, dialog merupakan aktiviti yang melibatkan manusia sebagai paksinya).

Definisi lengkap dialog antara agama boleh difahami seperti takrifan yang diberikan oleh Aemy et.al (2014);

- a) *The communication process involving a party or representative from various religions.*
- b) *Touches on issues and specific topics from the perspectives of their religions.*
- c) *Beneficial to all involved, especially in the area of producing seeds of inter-religious understanding, and to build good relations between religious.”*
  - (a. Proses komunikasi yang melibatkan kumpulan atau wakil dari pelbagai agama.
  - b. Menyentuh mengenai isu dan topik khusus dari perspektif agama masing-masing.
  - c. Berfaedah untuk semua yang terlibat, terutamanya untuk melahirkan bibit pemahaman antara agama, dan untuk membina hubungan baik antara agama)

Definisi di atas jelas menunjukkan bahawa dialog adalah satu cara terbaik untuk bersemuka antara dua pihak atau lebih. Dialog adalah komunikasi yang menghubungkan manusia yang berlainan agama dan kepercayaan. Tambah menarik, dialog mendatangkan faedah yang besar dalam mencapai keamanan, memberi kefahaman sebenar terhadap agama dan menjaga hubungan antara penganut-penganutnya. Selari dengan pandangan Ramirez (2007) dan Pruitt (2011) yang menyatakan bahawa dialog adalah jalan keamanan atau salah satu proses membina keamanan, ianya adalah ubat kepada konflik masyarakat,

menghalang diskriminasi antara agama, kaum, dan masyarakat dan dapat menghasilkan banyak interaksi serta membina jambatan antara tamadun berbeza. Namun, antara masalah utama dalam dialog adalah sikap *jumud* (tidak bersifat terbuka) berbincang tentang agama, budaya, bangsa dan tamadun masing-masing.

Agama-agama besar dunia, amat memainkan peranan penting dalam membentuk cara hidup dan mendidik nilai-nilai sejagat sepunya, seperti saling menghormati, kebebasan hak asasi, keadilan sosial, keamanan dan keharmonian. Agama juga berperanan memurnikan fahaman yang melihat kontradiksi antara; sains dan agama, dunia dan akhirat, kejadian alam secara semulajadi dan kewujudan Tuhan, material-spiritual dan spiritual-jasad (Ahmad 2017).

Penganut agama seperti Islam, Yahudi, Kristian, Hindu dan Buddha seharusnya boleh duduk bersama atas nilai kemanusiaan, dan ia adalah satu keperluan dalam menyelesaikan isu-isu besar agama dan kemanusiaan. Seperti pandangan Fahri Karakas (2004) yang menyatakan bahawa kita memerlukan semangat yang kuat dalam era dunia baru untuk; kesatuan umat manusia, memperbaiki hubungan, saling ambil peduli dan bersifat pemurah. Di samping itu beliau menyatakan;

*"We should give priority to love, compassion, dialogue, respect for others' rights, human rights, tolerance for diversity, equal treatment and opportunities for diverse people, positive action and non-coercive, non-violent methods and means"* (Kita harus memberi perhatian kepada kasih sayang, belas kasihan, dialog, menghormati hak-hak orang lain, hak asasi manusia, toleransi terhadap kepelbagaian, layanan dan peluang yang sama kepada kepada setiap lapisan masyarakat, bertindak secara positif dan tidak memaksa, tanpa kekerasan dan mengikut kemampuan).

Seterusnya beliau mencadangkan dua model pendekatan dialog praktikal berdasarkan: pertama, *spiritual partnership and friendship* (perkongsian rohani dan persahabatan) ; kedua, *shared passion and idealism* (semangat dan idealisme yang sama). Namun begitu, beliau tidak menghuraikan idea ini dalam bentuk penulisan akademik yang lebih jelas, ataupun membawa contoh yang bersifat praktikal. Dialog tidak hanya bersifat idea dan merangka model, namun ia harus disertai dengan tindakan. Sebagai contoh mudah untuk difahami, seperti mana dilakukan oleh Pruitt (2011) yang meluaskan konteks dialog melalui pendekatan muzik sebagai sebagai satu alternatif baru mempromosikan dialog. Hasil kajian kes terhadap golongan remaja di Australia dan Ireland Utara, muzik salah satu cara mudah komunikasi dialog berlaku dalam kalangan remaja yang terdiri dari berbagai latar belakang bangsa, budaya dan agama.

## DIALOG ANTARA AGAMA MENURUT GULEN

Menurut Gulen (2004), dialog agama merupakan satu keperluan dalam situasi dunia global kini, ini boleh difahami dengan kenyataan beliau seperti berikut;

*"Interfaith dialogue is a must today, and the first step in establishing it is forgetting the past, ignoring polemical arguments, and giving precedence to common points, which far outnumber polemical ones" "* (Dialog antara agama adalah suatu kemestian pada hari ini, dan langkah pertama dalam mewujudkannya adalah melupakan masa lalu, mengabaikan perdebatan bersifat polemik, dan memberi keutamaan kepada titik-titik persamaan, yang jauh melebihi jumlah yang polemik).

Gulen membentuk satu fahaman Islam yang lebih bersifat terbuka, dan menganjurkan umat Islam untuk berdialog dengan menghindari persepsi buruk dan sikap prejudis. Beliau mengajak umat manusia memaafkan kesalahan lampau dan lebih bersikap positif untuk masa kini dan hadapan. Ramirez (2007) turut menyatakan pandangan yang hampir sama seperti berikut;

*"The first step should be trying to prevent future revenges, forgetting past quarrels and mutual bad memories about misdeeds and misunderstanding" "* (Langkah pertama yang sepatutnya adalah bersama-sama cuba untuk menghapuskan rasa dendam, melupakan perbalahan masa lalu dan kenangan buruk berkenaan salah laku dan salah faham yang lalu).

Seruan daripada Al-Quran mendorong dan meyakinkan gulen terhadap kepentingan dialog, seruan ayat tersebut "*peace is better*" adalah satu perintah dan ajaran dalam Islam. Seperti mana beliau menyatakan (Gulen 2004);

*"In that respect, if we start our efforts for dialogue with the belief that "peace is better" (Al-Nisa 4:128), then we must demonstrate that we are on the side of peace at home and abroad. Indeed, peace is of the utmost importance to Islam; fighting and war are only secondary occurrences which are bound to specific reasons and conditions. In that respect, we can say that if an environment of peace where all can live in peace and security cannot be achieved in this land, then it would be impossible for us to do any good service for society or for humanity" "* (Sehubungan itu, jika kita memulakan usaha untuk berdialog dengan kepercayaan bahawa "keamanan adalah lebih baik" (Al-Nisa 4: 128), maka kita harus menunjukkan bahawa kita berada di sisi kedamaian di dalam dan di luar negeri. Sesungguhnya keamanan adalah yang paling utama dalam Islam; pertempuran dan peperangan adalah perkara kemudian yang terjadi atas sebab dan keadaan tertentu. Sehubungan itu, kita boleh mengandaikan jika keamanan dan keselamatan gagal dicapai di tanah ini, maka mustahil untuk kita untuk melakukan kebaikan kepada masyarakat atau misi kemanusiaan)

Menegakkan dialog, memelihara keamanan dan menjaga keselamatan menurut Gulen adalah tanggungjawab manusia, bahkan, sebahagian daripada identiti ajaran Islam (*an Islamic way of life*) (Celik & Pim 2007). Di samping itu, toleransi dan dialog merupakan kunci utama untuk mencapai keamanan dan memelihara kestabilan dalam masyarakat ( Ghulam & Munaza 2010).

### **Asas-asas dalam Dialog.**

Gulen (2004), telah menggariskan empat asas utama dalam dialog iaitu; *love, compassion, tolerance, dan forgiving*, yang mana menurut beliau ia adalah bentuk perintah agama yang juga bersifat nilai sejagat (*universal values*). Asas-asas ini perlu dihayati dan diteladani ini telah dijelaskan dalam karya-karya beliau; *Towards a Global Civilization of Love and Tolerance* (2004), *Pearls of Wisdom* (2000), dan *The Necessity of Interfaith Dialog* (2004).

*Love* (cinta, kasih, sayang) merupakan satu anugerah paling bernilai daripada Tuhan kepada setiap manusia. Ianya wujud bersama kejadian manusia, menjadikan manusia saling menyayangi, mengasihi dan mencintai. Namun, cinta yang paling agung dan suci hanyalah kepada Tuhan yang Maha Esa lagi Maha Penyayang. Sekalipun kita mencintai makhluk di muka bumi ini, cinta tetap akan kembali kepada Tuhan, kerana segala keindahan dan kejadian dan milik-Nya (Gulen 2000).

Maksud *love* dalam perhubungan sesama manusia diperincikan lagi oleh Gulen sebagai;

*“ Love means the heart’s attachment and the will power’s inclination toward the beloved. Its also means the feelings’ being purified of anything or anyone else other than the beloved and all the senses and faculties of the lover being turned to and set on the beloved only. Every act of the lover reflects the beloved: his or her heart always beats with yearning for the beloved; his or her tounges always murmus the beloved’s name, and his or her eyes open and close with the beloved’s image ”* (Gulen 2000) (Cinta bermaksud lampiran jantung dan kecenderungan kuasa akan ke arah yang tercinta. Ia juga bermaksud perasaan yang suci hanya tertumpu pada kekasihnya tanpa peduli orang lain atau apa pun, semua deria dan perasaan cinta dihidupkan dan ditetapkan pada kekasih saja. Setiap perbuatan pencinta mencerminkan kekasih: hati utamanya selalu berdegup dengan kerinduan untuk kekasihnya; lidahnya sentiasa menyebut nama kekasihnya, kelopak mata yang terbuka dan tertutup sentiasa menggambarkan wajah kekasihnya )

Cinta dan kasih sayang mampu menyembuhkan kesengsaraan dan penderitaan yang banyak berlaku dalam dunia moden hari ini. Perasan ini perlu ditanam dalam setiap anak muda, supaya apabila mereka sudah menempuh dunia yang penuh dengan teknologi, sains, dan kemodenan, mereka tidak menjadi orang alpa dengan keseronokan dunia semata-mata tanpa mempedulikan orang lain (Gulen 2000).

Manakala *Compassion* (sifat belas kasihan) pula, setiap manusia mempunyai tanggungjawab terhadap apa yang ada di sekelilingnya. Kita sebagai manusia perlu memiliki perasaan belas kasihan, lebih banyak perasaan ini dijelmakan dalam perbuatan, maka lebih tinggi dan mulia kedudukan kita. Sebaliknya jika sekiranya seseorang itu bersifat kejam, menindas dan ganas, maka dia telah mengaibkan dan memalukan diri sendiri. Apabila seseorang itu tidak mempunyai sifat belas kasihan, maka hilanglah sifat kemanusiaan (Gulen 1998). Manusia

harus sedar dan peka bahawa kehidupan di dunia merupakan satu rantaian, yang setiap makhluk yang hidup mempunyai peranan masing-masing dan saling berhubungkait. Bicara gulen tentang sifat berbelas kasihan boleh diikuti lagi dengan tulisan beliau seperti berikut;

*“Compassion is beginning of being; without it everything is chaos. Everything has come into existence through compassion and by compassion it continues to exist in harmony. The earth was put in order by messages coming from other of the heavens. Everything from macrocosm to the microcosm has achieved an extraordinary harmony thanks to compassion”* (Gulen 1998). ” (Belas kasihan adalah permulaan kepada kewujudan; tanpanya segala-galanya akan menjadi huru-hara. Semuanya telah wujud melalui belas kasihan dan darinya juga wujud keharmonian. Bumi dikawal selia melalui perintah yang datang daripada langit. Setiap sesuatu dari sebesar-besarnya perkara sehingga sekecil-kecil perkara boleh disusun atur dengan baik dengan sifat belas kasihan )

Asas dalam dialog seterusnya adalah *Tolerance*. Sikap tolak ansur datang dari jiwa yang besar yang mampu menerima kekurangan dan memperbaiki kesalahan pihak lain. Melalui toleransi manusia saling memaafi, menghormati idea masing-masing dan bersikap lemah lembut. Sikap lemah lembut merupakan satu cara yang baik untuk menyentuh hati dan mendekatkan diri dengan orang lain melalui sikap dan tindakan yang sederhana dan hati yang penyayang (Gulen 2004). Toleransi juga boleh difahami melalui penjelasan berikut;

*“Be tolerant that your heart becomes wide like ocean. Become inspired with faith and love for others. Offers a hand to those in trouble and be concerned about everyone. Applaud the good for their goodness, appreciate those who have believing so gently that their envy and hatred melt away. Like Messiah, revive people with your breath”*(Gulen 2000). ” (Bertolak ansurlah agar hatimu menjadi luas seperti lautan. Menjadi inspirasi dengan iman dan kasih sayang kepada orang lain. Menghulurkan tangan kepada mereka yang menghadapi masalah dan mengambilberat tentang semua orang. Berikan pujian yang baik untuk kebaikan orang lain, menghargai manusia dengan lemah lembut sehingga iri hati dan kebencian itu hilang. Seperti al-Maseh, memulihkan orang lain dengan nafas sendiri).

*Forgiveness* pula adalah nilai paling agung dalam sifat kebaikan manusia. Tuhan yang Maha Pengampun telah mendidik kita dengan kisah nabi Adam yang telah melakukan kesalahan ketika di syurga. Tatkala nabi Adam menadah tangan memohon keampunan, Tuhan ampunkan dirinya dan dimuliakan sebagai rasul (Gulen 2004). Nilai nampak mudah diungkapkan, tetapi sangat sukar diperaktikkan walupun untuk memaafkan sekecil-kecil perkara, apatah lagi melibatkan kesalahan yang besar. Gulen menggambarkan nilai di sebalik kemaafan seperti berikut;

*"However valuable it is to ask for and expect forgiveness and to bemoan the things that have escaped us, forgiving is that much greater an attribute and virtue. It is wrong to think of forgiveness as being separate from virtue or of virtue as being separate from forgiveness. As the well-known adage says, "To err is human, to forgive divine," and how well this has been said! Being forgiven means being repaired; it consists of a return to our essence and finding ourselves again (Gulen 2004)." (Walaubagaimanapun, memohon kemaafan serta mengharapkan keampunan dan menyesali kesilapan yang menghantui diri kita adalah lebih berharga, kemaafan adalah sebaik-baik nilai kebaikan. Adalah salah untuk memikirkan kemaafan sebagai terpisah dari kebaikan ataupun sebaliknya. Seperti kata pepatah yang terkenal, "Manusia melakukan kesilapan, Tuhan memberi keampunan," dan ini kata-kata yang baik! ; orang yang memberi kemaafan adalah orang memperbaiki kesilapannya; ia termasuklah mengakui kelemahan diri dan cuba memperbaikinya).*

Gulen menggunakan pendekatan emosi yang telah sedia wujud dalam setiap diri manusia ketika berdialog. Asas-asas dialog yang diutarakan oleh Gulen adalah satu keperluan yang harus diteladani dan ditanam dalam diri. Dialog mungkin akan bertukar menjadi medan berbantah-bantah, perang mulut, atau permusuhan jika nilai-nilai yang wujud dalam asas dialog diabaikan.

### **Halangan dalam Berdialog**

Gulen (2004) melalui tulisannya menyatakan terdapat beberapa halangan atau kesukaran dalam kalangan orang Islam untuk berdialog, antaranya;

Sejarah lampau antara umat Islam dan Kristian. Umat Islam masih dihantui oleh peristiwa-peristiwa lalu yang melibatkan sengketa yang berlaku antara dua pihak. Jumlah umat Islam yang dibunuhi lebih ramai daripada orang Kristian yang terbunuhi. Sejarah itu, digunakan Barat sebagai peluang untuk merendahkan umat Islam sebagai satu kelemahan. Ini menimbulkan perasaan yang negatif terhadap barat, bahawa barat dilihat masih berterusan menekan dan menindas umat Islam hingga ke masa kini.

Selain itu, kejatuhan empayar Islam Turki Uthmaniyyah dan era penjajahan barat masih kekal dalam ingatan umat Islam. Bahkan ia menjadi sesuatu yang amat perit dalam sejarah Islam dan sukar untuk dilupakan. Tambahan pula barat berjaya untuk menerapkan ideologi-ideologi sehingga mengubah landskap pemikiran dan gaya hidup umat Islam. Keadaan ini membuatkan umat Islam memandang barat dengan prasangka negatif dan buruk. Walaupun kisah kejatuhan empayar Islam telah berlalu dan tiada lagi bentuk penjajahan fizikal berlaku, tetapi perasaan curiga dan sangsi terhadap barat tetap berterusan.

Tambah Gulen lagi, kekangan dalam berdialog juga wujud apabila tercetusnya dua ideologi berbeza dalam kalangan umat Islam, pertama; Islam sebagai satu ideologi politik yang dinamik menerima kebebasan. Kebebasan ini kemudiannya bertukar menjadi satu ideologi bebas yang dilihat cenderung

memisahkan nilai-nilai keagamaan dan kehidupan. Kedua; kalangan umat Islam yang membawa ideologi yang melampau dan keras. Percanggahan dua ideologi ini juga memberi kesan terhadap barat yang keliru dan salah faham terhadap Islam.

Faktor terakhir kesukaran dalam berdialog adalah apabila Islam telah dituduh sebagai satu agama baru yang mentah, dan telah diseleweng daripada ajaran agama yang sebenar iaitu Yahudi dan Kristian. Malahan, nabi Muhammad juga dituduh sebagai nabi palsu, manusia biasa, penipu yang bijak, anti-Kristian, atau berhala sembahannya umat Islam.

### PENDEKATAN DIALOG PRAKTIKAL

Dialog tidak terbatas kepada dialog berbentuk verbal sahaja, ianya juga boleh dirujuk kepada kesan dialog dipraktikkan. Di samping itu dialog dirujuk kepada strategi yang digunakan dan pengaruhnya tersebar. Menurut Kayaoglu (2007), Gulen telah membahagikan maksud dialog kepada dua iaitu; *procedurally* (prosedur) dan *consequentially* (implikasi) Kedua-dua maksud tersebut harus selari dengan membuka jalan mudah (secara praktis) untuk orang ramai yang berlainan agama dan merangsang perkembangan dialog antara agama. Menurut Gulen, dalam ajaran Islam *privileging the practice* (melebihkan perbuatan) lebih baik daripada *speculative* (hanya spekulasi) semata-mata. Kurtz (2005) memberi komentar terhadap praktis dialog Gulen sebagai;

*"it is, in fact, his concrete actions in the implementation of dialogue that have attracted widespread attention to his efforts to define Islam as a force for peace"* (Faktanya, asas tindakan beliau dalam pelaksanaan dialog adalah berjaya menarik perhatian ramai terhadap usahanya untuk membuktikan Islam sebagai tunjang keamanan)

Oleh itu, dalam bahagian ini akan menfokuskan kepada usaha-usaha, pendekatan dan strategi yang telah dilaksanakan Gulen dan pengikutnya dalam merealisasikan objektif dialog antara agama.

### Dialog melalui Media Massa dan Internet

Dalam lapangan media massa Gulen telah diangkat sebagai presiden *The Journalist and Writer's Foundation* (JWF), ia merupakan satu badan bukan kerajaan (NGO) yang paling berpegaruh di Turki (Fontenot 2009; Yucel 2013). Pada 29 Jun 1994 bertempat di Istanbul Turki, satu pertemuan JWF telah diadakan yang disertai oleh pemimpin masyarakat, selebriti, wartawan dan artis dari berbagai latarbelakang (Bilici 2006). Ini adalah langkah strategik dialog apabila boleh bersemuka dengan tokoh-tokoh masyarakat lain, di samping dapat membuka ruang liputan media terhadap idea beliau. JWF telah menganjurkan beberapa aktiviti dialog berprofil tinggi seperti *Interfaith and Intercultural Symposiums*, *National Tolerance Awards*, dan mengatur pertemuan antara Gulen dan pemimpin-pemimpin agama lain. Antaranya; Pope John Paul II (*Orthodox Church*), Patriarch

Barthalemeos (*Turkey's Chief Rabbi*), David Aseo, dan Eliyahu Bakshi Doron (*Israel's Sephardic Head Rabbi*) (Lacey 2014; Kayaoglu 2015).

Gulen sedar bahawa komunikasi media adalah medium terbaik menyampaikan maklumat dan mesej dialog di dalam era globalisasi. Maka, beliau mengambil langkah bijak menghubungkan ideanya dengan menggunakan kuasa media. Oleh sebab itu, sekitar tahun 1980, beliau bersama pengikutnya berjaya menerbitkan akhbar, siaran radio (*Dunya, Burc FM*), televisyen (*Samanyolu TV*), internet dan Jurnal (*Sizinti, Aksiyon, The Fountain, Zafer, Ekoloji, Yeni Umut Dergisi*) (Gulay 2007) yang berpengaruh di dalam dan luar Turki. Pada tahun 1986, akhbar *Zaman time's* di bawah kelolaan pergerakan Gulen dilancarkan, yang kemudiannya menjadi antara akhbar paling popular di Turki dengan lebih 600,000 keping telah dicetak setiap hari. Akhbar juga tersebar luas merentasi Turki dengan diterbitkan dalam berbagai bahasa di negara-negara seperti Australia, Azerbaijan, Bulgaria, Jerman, Romania, Kazakhstan, Kyrgyzstan, Macedonia, Turkmenistan, dan Amerika Syarikat (Saritoprak 2007; Fontenot 2009).

Melalui rangkaian media massa, Gulen dan pergerakannya dapat menyebarkan mesej dialog antara agama dan secara tidak langsung menyampaikan mesej keamanan global. Isi kandungan penyampaian adalah tentang memberi penjelasan intipati ajaran Islam, pendapat umum dan isu-isu semasa dan analisisnya dari perspektif Islam.

### **Dialog melalui Organisasi, Institusi dan Sekolah**

Gulen mengamalkan dialog antara agama yang melangkaui pemahaman dialog yang hanya bersifat verbal. Beliau berpandangan bahawa dialog perlu diinstitusikan (*institutionalized*) dan menjalinkan kerjasama menganjurkan aktiviti-aktiviti dialog supaya ia lebih memberi kesan menjelaskan tentang isu-isu semasa. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah seperti majlis makan malam dan berbuka puasa, menganjurkan seminar dan persidangan, melancong ke Turki dan tempat-tempat suci bersejarah, menerbitkan jurnal, membentuk modul pengajaran kurikulum pendidikan dialog antara agama dan menjalinkan kerjasama dengan organisasi lain menjalankan aktiviti kemanusiaan ( Muhammad 2007; Yucel 2013; Lacey 2014). Gerakan atau organisasi Gulen juga akan masuk ke dalam kalangan masyarakat secara tidak formal untuk menyuburkan semangat dialog ( Kayaoglu 2015).

Gulen menjadi inspirasi kepada pengikutnya untuk menubuhkan organisasi dialog budaya dan agama di seluruh dunia, di Amerika Syarikat sahaja terdapat 42 organisasi yang mempromosikan aktiviti dialog (Yucel 2010). Saritoprak (2007) yang banyak mengkaji tentang pemikiran Gulen menyatakan beliau sendiri pernah berada di Amerika Syarikat dan membuktikan hal tersebut dengan kenyataan berikut;

*"In the United States where I live, I know of dozens of institutions that promote inter-faith dialogue. In major city of United states such as Los Angeles, New York, Chicago, and*

Washington D.C, one can find many such institutions. For example I lived for five years in the Washington D.C area, where I participated in the establishment of the 'Rumi Forum for Interfaith Dialogue'. I witnessed the foundation and the dedication of members of the Turkish-American community in the greater D.C" " (Di Amerika Syarikat tempat saya tinggal, saya tahu berpuluhan-puluhan institusi yang mempromosikan dialog antara agama. Di bandar-bandar utama Amerika seperti Los Angeles, New York, Chicago, dan Washington D.C, terdapat banyak institusi sedemikian. Sebagai contoh saya tinggal selama lima tahun di kawasan Washington D.C, di mana saya mengambil bahagian dalam penubuhan Forum 'Dialog Agama untuk Interfaith'. Saya menyaksikan asas dan dedikasi anggota komuniti Turki-Amerika dalam D.C yang lebih besar)

Dialog antara agama di Amerika Syarikat terus berkembang dengan penubuhan organisasi-organisasi di bawah gagasan pergerakan Gulen seperti *Niagara Foundation, Raindrop Turkish House, The Institute of Interfaith Dialogue, Pacifia Institute, dan Gulen Institute* (Lacey 2014). Implikasi daripada penubuhan organisasi-organisasi tersebut, aktiviti dialog berjalan dengan rancak, dan berjaya menghubungkan dunia Islam dengan masyarakat bukan Islam di Amerika Syarikat.

Gulen menyebarluaskan pemikiran dialog antara agama beliau di Eropah dengan kerap mengunjungi negara Perancis dan Jerman. Hasilnya, pengikut Gulen telah mengasaskan pusat-pusat pengajian yang menawarkan kursus-kursus pengajian kepada murid-murid sekolah selepas waktu persekolahan yang diselenggara oleh pihak kolej dan sekolah swasta. Mereka juga menujuhkan persatuan "*Inter-cultural dialogue*" yang menganjurkan acara-acara bertemakan silang budaya, mempromosikan pertukaran budaya antara populasi Turki dan masyarakat setempat. Selain itu, ditubuhkan juga persatuan usahawan Turki yang menjadi penaja kepada aktiviti-aktiviti yang dijalankan (Demir 2007).

Negara-negara lain di Eropah yang juga menyambut dialog antara agama dengan baik hasil dialog praktikal Gulen adalah Belgium. Di sana terdapat satu organisasi yang bernama *Intercultural Dialogue Platform* yang turut menyemarakkan dialog. Diikuti oleh Belanda dengan sebuah akademi dialog yang dikenali sebagai *Dialoog Academie*. Manakala di England, berpusat di Ireland sebuah organisasi ditubuhkan dengan nama *NI-TECA and TIECS* dan United Kingdom dialog dijalankan oleh *Dialogue Society* (Lacey 2014; Kayaoglu 2015). Melalui organisasi-organisasi tersebut, Gulen berjaya mengembangkan pemikiran dan idea beliau di Barat.

Institusi yang berkait dengan Gulen juga wujud dalam negara-negara di sebelah Asia tenggara. Pada tahun 1997, Sadik Yildiz salah seorang wartawan *Zaman Newspaper* telah datang ke Singapura sebagai duta akhbar tersebut di sana. Beliau kemudiannya, dengan bantuan masyarakat Turki di sana dan masyarakat setempat telah menujuhkan *Turkey-Central Asia Cultural Centre* pada tahun 1999,

yang kemudiannya pula dinamakan sebagai *Turkish Cultural Centre* (TCC). Pusat ini aktif menjalankan aktiviti dialog antara agama, menganjurkan aktiviti makan malam, majlis berbuka puasa (Muhammad 2007).

Menariknya, aktiviti-aktiviti yang dijalankan turut disertai oleh masyarakat bukan Islam yang terdiri daripada pengikut Kristian, Budhha dan Hindu. Peluang tersebut digunakan oleh TCC untuk menjalinkan persaudaraan walaupun bukan seagama. Malah, mereka turut mengadakan kerjasama dengan pertubuhan tempatan lain menganjurkan seminar dan perbincangan. Objektif mereka adalah memberi imej yang baik terhadap Islam, yang mana Islam sebuah agama yang mengamalkan konsep bersederhana, menentang keganasan dan fahaman melampau dalam agama.

Di Indonesia, sebuah pertubuhan yang dikenali *Pacific Countries Social and Economic Solidarity Association* (PASIAD) memainkan peranan penting dalam dialog antara agama. Pertubuhan ini dianggotai oleh ahli-ahli perniagaan Turki dan pelajar yang berminat di sebelah negara-negara Asia pasifik. Pertubuhan ini juga bertindak menjadi orang tengah menyalurkan dana kewangan kepada sekolah atau intitusi di bawah gagasan Gulen. Dana tersebut digunakan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti yang berkaitan pendidikan dan dialog antara agama (Muhammad 2007; Kayaoglu 2015).

Gulen yakin melalui pendidikan, fahaman melampau dalam agama dan radikal dapat dikekang dan toleransi dapat disuburkan (Muhammad 2007; Ghulam & Munaza 2016). Beliau juga percaya sekolah adalah tempat terbaik untuk membentuk generasi tamadun masa depan (Vile 2010). Oleh itu, pendekatan pendidikan dialog antara agama diterapkan melalui sekolah-sekolah yang diasaskan oleh Gulen dan pengikutnya. Menurut Kurtz (2005), idea Gulen menampakkan hasil dengan mengambil contoh sebuah sekolah di Selatan Filipina yang menerima kanak-kanak Islam dan Kristian sebagai pelajar. Mereka belajar bersama-sama dan mendapat pendidikan formal, malah mereka boleh hidup bersama-sama. Kanak-kanak ini kebanyakannya datang dari kalangan mereka yang kehilangan ibu bapa akibat krisis peperangan yang berlaku di sana.

Di Turki sahaja terdapat lebih 150 buah sekolah telah diasaskan dan dikendalikan oleh gagasan Gulen. Pengikut-pengikut Gulen juga telah mengasaskan lebih 1000 buah sekolah (Ghulam & Munaza 2016) di hampir seluruh dunia termasuk Afrika, Bosnia, Brazil, Indonesia, Singapura, Kazakhstan, Uzbekistan, Kyrgyzstan, Turkmenistan, Filipina, dan Kemboja (Balci 2003; Gulay 2007; Muhammad 2007; Sunier 2014). Sekolah merupakan salah satu landasan unruk merangka dunia yang lebih baik di masa hadapan. Sekolah merupakan simbolik kepada ilmu pengetahuan, alam persekolahan dapat menggalakkan anak-anak yang masih kecil untuk memperkaya minda dan menambah ilmu pengetahuan. Sebagaimana Gulen nyatakan;

*"Is essentially the 'theatre' in which all the scattered things of the universe are displayed together. It provides its pupils with the possibilities of continuous reading and speaks even*

*when it is silent. Because of that, although it seems to occupy one phase of life, actually the school dominates all times and events. Every pupil re-enacts during the rest of life what he or she has learned at school and derives continuous influence therefrom” (Kurtz 2005) “*  
(Pada dasarnya adalah 'teater' di mana semua benda bertaburan alam semesta dipaparkan bersama. Ia menyediakan murid-muridnya dengan kemungkinan bacaan berterusan dan bercakap walaupun ia diam. Kerana itu, walaupun seolah-olah menduduki satu fasa kehidupan, sebenarnya sekolah menguasai semua masa dan peristiwa. Tiap-tiap murid membuat keputusan semula sepanjang sara hidup apa yang dia pelajari di sekolah dan mendapat pengaruh berterusan daripadanya)

## RUMUSAN DAN PENUTUP

Dialog antara agama merupakan suatu kaedah yang digunakan untuk mewujudkan persefahaman di antara satu agama dengan agama yang lain. Bahagian ini merupakan rumusan yang berbentuk perbincangan mengenai dialog antara agama yang boleh diberi perhatian.

### Kesediaan untuk Berdialog

Dialog antara agama merupakan satu keperluan. Namun, untuk menghadapi dialog bukan hanya sekadar pandai berkata-kata, tetapi perlu berubah kepada sikap yang lebih baik. Gulen (2004) pernah menyebut;

*“Those who want to reform the world must first reform themselves. In order to bring others to the path of travelling to better world, they must purify their inner world of hatred, rancor, and jealousy and adorn outer world with virtue. Those who are far removed from self control and self-discipline, who have failed to refine their feeling, may seem attractive and insightful at first. However, they will not be able to inspire others in any permanent way, and the sentiments they arouse will soon disappear”* (Mereka yang mahu mengubah dunia mesti terlebih dahulu mengubah diri mereka sendiri. Untuk membawa orang lain ke jalan perjalanan ke dunia yang lebih baik, mereka mesti membuang sifat kebencian, kemarahan,cemburu dan menghiasi tingkah laku dengan kebaikan. Mereka yang jauh dari kawalan diri dan disiplin diri, yang gagal memperbaiki perasaan mereka, mungkin kelihatan menarik dan berwawasan pada mulanya. Walau bagaimanapun, mereka tidak akan dapat memberi inspirasi kepada orang lain secara berterusan, dan pandangan yang mereka utarakan akan segera hilang)

Kata-kata ini cukup untuk menggambarkan kepada kita bahawa permulaan bagi setiap sesuatu tindakan perlu kepada kebolehupayaan dan kesediaan untuk mengubah diri sendiri. Sudah tentu, umat Islam mempunyai

kesediaan untuk berdialog berdasarkan sumber epistemologi yang kukuh. Walaubagaimanapun, sejauh mana persediaan untuk menghadapi cabaran dunia moden dengan pendekatan dialog menjadi persoalan. Oleh itu, mahu atau tidak, umat Islam perlu mengetahui dan mengkaji dialog antara agama dengan sebaik mungkin. Jalannya sudah ada, tokoh seperti Fethullah Gulen sudah pun mempraktiskan dialog, dan benarlah, pendekatan dialog beliau memberi kesan, bahkan hampir seluruh dunia menerima pengaruh pemikiran beliau.

Dialog dari sudut teori atau ilmu harus dipelajari. Ia sebagai persediaan untuk menghadapi dialog yang sebenar iaitu praktikal. Seperti yang sudah kita ketahui sebelum ini. Gulen telah memperkenalkan pendekatan dialog praktikal yang bersifat *interaction* dan *engagement*. Beliau melampaui sempadan negaranya sendiri iaitu Turki menyebarkan mesej dialog ke seluruh dunia sehingga dapat dikenali kumpulan manusia yang dipanggil sebagai *Gulen's community* (komuniti Gulen), *Gulen's followers* (pengikut Gulen), *Gulen Movement* (pergerakan Gulen) dan *Gulen's Society* (masyarakat Gulen). Apa yang perlu kita ambil pedoman, dasar pemikiran Gulen yang menyediakan ilmu dan pengetahuan secara teori berjaya dilaksanakan. Yang kemudiannya, ia berubah kepada bentuk praktikal menggunakan kaedah, pendekatan dan strategi yang amat berkesan bagi merealisasikan dialog dan memastikan objektif dialog turut tercapai.

Oleh itu, umat Islam perlu ada sikap kesediaan untuk berdialog kerana bukti daripada usaha-usaha Gulen menunjukkan umat manusia di seluruh dunia telah menerima dialog antara agama. Dialog mencerminkan kematangan manusia berfikir, menerima kepelbagaian agama dan merupakan salah satu jalan keamanan global.

### **Membudayakan Dialog dan Cabaran Masa kini**

Dialog antara agama perlu dilazimi dalam kalangan masyarakat yang berbilang agama dan kaum. Ia perlu dijadikan agenda yang bersifat universal dengan menekankan keterbukaan dan kerjasama antara setiap penganut-penganut agama. Dengan dialog, nilai-nilai setiap agama diketengahkan sebagai dasar utama dalam pembentukan masyarakat yang sejahtera. Dialog juga turut membudayakan sikap masyarakat yang berusaha membetulkan salahfaham terhadap agama dan kepercayaan masing-masing dan orang lain.

Usaha-usaha memperkenalkan tokoh-tokoh keamanan dan dialog dari berlainan agama juga perlu dipergiatkan supaya cara mereka boleh diteladani oleh pengikut masing-masing. Seperti pernah dilakukan di University of Texas yang mengadakan simposium tokoh-tokoh yang dikenali sebagai '*Peaceful Heroes*' (pejuang keamanan). Tokoh-tokoh berkenaan adalah tokoh yang menyumbang kepada keamanan global dan menolak keganasan. Antaranya; Martin Luther King, Mahatma Gandhi, Nelson Mandela, Dalai Lama, Dorothy Day, Fethullah Gulen, Cesare Chavez, Robert Capa dan Abdul Gaffar Khan (Fahri Karakas 2004).

Budaya pemikiran mereka yang sesuai boleh diadaptasi dalam membentuk budaya dialog yang kondusif. Ianya juga memupuk budaya untuk saling kenal mengenal dan mempelajari sesuatu yang baru antara satu sama lain. Pembudayaan dialog merupakan satu medan perkongsian nilai-nilai sepunya antara agama-agama. Nilai-nilai sepunya tersebut perlu didasari dengan tujuan mengenalpasti kelemahan dan kelebihan masing-masing. Kelemahan tersebut sama-sama dibaiki, manakala kelebihan atau kekuatan dikongsi atau digunakan untuk membantu antara satu sama lain.

Dialog juga dapat memberi maklumat dan kesedaran kepada masyarakat terhadap isu-isu agama dan cabarannya di masa kini seperti *Radicalism* dan *Extremism*. Ini antara usaha yang dilakukan Gulen untuk menghilangkan persepsi dan imej buruk terhadap Islam. Melalui dialog praktikal, beliau menonjolkan nilai penghayatan Islam yang sebenar seperti melancarkan gerakan *Hizmet (service to humanity)* (misi kemanusiaan) dalam kalangan masyarakat Islam dan bukan Islam.

Sebagai pengakhiran penulisan ini, antara perkara yang boleh dititikberatkan dalam konteks dialog antara agama adalah menghayati nilai-nilai sepunya dalam setiap agama serta menghormati agama dan kepercayaan agama lain. Di samping itu, manusia saling bergantung antara satu sama lain dalam pembangunan tamadun, maka memahami dan menyelesaikan isu-isu yang memisahkan hubungan kemanusiaan perlu dilakukan. Begitu juga konflik yang berlaku antara agama-agama di dunia, keganasan dan fahaman melampau harus ditangani. Justeru itu, pendekatan dialog antara agama boleh dipraktikkan sebagai salah satu langkah penyelesaian dan satu mekanisme ke arah keamanan global.

## RUJUKAN

- Aemy Elyani Mat Zain, Jaffary Awang & Idris Zakaria. 2014. *Inter-Religious Dialogue: The Perspective of Malaysian Contemporary Thinkers Muslim*. International Journal of Islamic Thought. Vol 5. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. hlm. 1-9.
- Ahmad Faizuddin Ramli. 2017. *Pemikiran dan Sumbangan Fethullah Gulen dalam Dilaog Antara Agama*. International Journal of Islamic and Civilizational Studies. Vol 4. No 2. Hlm. 33-34.
- Ahsan Khan, Maimun. 2011. *The Vision and Impact of Fethullah Gulen a New Paradigm for Social Activism*. New York: Blue Dome Press.
- Albayrak, Ismail. 2011. *Introduction*. Dlm. *Mastering Knowledge in Modern Times Fethullah Gulen as an Islamic Scholar*. New York: Blue Dome Press.
- Ali Salihin. 2014. Tesis. *Pemikiran Fethullah Gulen dalam Pendidikan Islam*. Jakarta: Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah.
- Amjad Hussein & Ali Ayten. 2017. *A New Era for Turkey the Attempted Coup of the 15<sup>th</sup> of July*. International Journal of West Asian Studies. Vol. 9. No 1. hlm. 1-11.

- Balci, Bayram. 2003. *Fethullah Gülen's Missionary Schools in Central Asia and their Role in the Spreading of Turkism and Islam*. Religion, State & Society. Vol. 31, No. 2. Hlm. 151-174.
- Billici, Mucahit. 2006. *The Fethullah Gulen Movement and its Politics Representation in Turkey*. The Muslim World. Vol. 96.
- Celik, Gurkan & Valkenberg, Pim. 2007. *Gülen's Approach to Dialogue and Peace: Its Theoretical Background and Some Practical Perspectives*. The International Journal of Diversity in Organisations, Communities and Nations. Vol. 7. Hlm. 29-37.
- Celik, Gurkan et.al. 2007. *Modern Ideals and Muslim Identity: Harmony or Contradiction? a Text Linguistic Analysis of the Gülen Teaching and Movement*. Prosiding International Conference Muslim World in Transition: Contributions of the Gülen Movement.
- Demir, Emre. 2007. *The Emergence Of A Neocommunitarian Movement In The Turkish Diaspora In Europe: The Strategies Of Settlement And Competition Of Gülen Movement In France And Germany*. Prosiding International Conference Muslim World in Transition: Contributions of the Gülen Movement.
- Fontenot, Michael J & Karen Fontenot. *The Gulen Movement: Communicating Modernization, Tolerance and Dialogue in the Islamic World*. The International Journal of Humanities. Vol. 6. No. 12. Hlm. 67-78.
- Ghulam Fatima & Munaza Hayat. 2016. *An Appraisal of Reformative Dimensions of Gulen Movement in Turkey*. Pakistan Journal of Social Sciences. Vol. 36. No 2. hlm. 1243-1250.
- Gulay. Erol N. 2007. Tesis. *The Theological Thought of Fethullah Gülen: Reconciling Science and Islam*. St. Antony's College; Oxford University.
- Gulay. Erol N. 2007. *The Gulen Phenomenon: A Neo-Sufi Challenge to Turkey's Rival Elite?*. Critique: Critical Middle Eastern Studies. Vol. 16, No. 1. hlm. 37-61.
- Gülen, Fethullah. *Islam and Dogmatism*. 2003. <http://fGulen.com/en/fethullah-Gülen-life/1305-Gülen-thoughts/25048-islam-and-dogmatism> (diakses pada 20 jun 2018)
- Gulen, M. Fethullah. 1998. *Towards the Lost Paradise*. Turkey: Kaynak(Izmer).
- Gulen, M. Fethullah. 2000. *Pearls of Wisdom*. Terj. Ali Unal. Virginia: The Faountain.
- Gulen, M. Fethullah. 2000. *Key Concepts in the Practice of Sufism*. Virginia: The Fountain.
- Gulen, M. Fethullah. 2004. *Towards a Global Civilization of Love and Tolerance*. New Jersey: The Light, Inc.
- Gulen, M. Fethullah. 2004. *The Necessity of Interfaith Dialog*. Dlm. *Essays Perspectives Opinions M. Fethullah Gulen*. USA: The light, Inc. & Isik Yayinlari.
- HM, Syamsudini. 2013. *Cinta dan Toleransi Perspektif Fethullah Gulen*. The Indonesia Journal of Education and Islamic Sceinces. Vol. 5. No. 2. hlm. 370-397.
- Karakas, Fahri. 2004. *A Global Agenda for Interfaith Dialogue Tolerance, Love and Cooperation*. Kertas kerja yang dibentang dlm. Interfaith Dialog of Dialogue Foundation, Montreal, Canada.

- Kayaoglu, Turan. 2007. *Preachers of Dialogue : International Relations and Interfaith Theology*. International Conference Muslim World in Transition: Contributions of the Gülen Movement.
- Kayaoglu, Turan. 2011. *Constructing Dialogue of Civilizations: A case of Islamic Norm-marking in International Society*. The Annual Meeting of International Studies Association. Montreal.
- Kayaoglu, Turan. 2015. *Explaining Interfaith Dialogue in the Muslim World*. Politics and Religion. Vol. 8. Hlm. 236-262.
- Keles, Ozcan. 2007. *Promoting Human Rights Values In The Muslim World: The Case Of The Gülen Movement*. Prosiding International Conference Muslim World in Transition: Contributions of the Gülen Movement.
- Kurtz, Lester R. 2005. *Gülen's Paradox: Combining Commitment and Tolerance*. The Muslim World. Vol. 95. Hlm. 373-384.
- Lacey, Jonathan. 2014. "Turkish Islam" as "Good Islam": How the Gülen Movement Exploits Discursive Opportunities in a Post-9/11 Milieu. Journal of Islamic Minority Affairs. Vol. 34. No. 2. Hlm. 95-110.
- Muhammad Nawab Osman. 2007. *Gülen's Contribution To A Moderate Islam In Southeast Asia*. International Conference Muslim World in Transition: Contributions of the Gülen Movement. Hlm. 334-346.
- Pruitt, Lesley. 2011. *Creating a Musical Dialogue for Peace*. International Journal of Peace Studies. Vol. 16. No. 1. Hlm. 81-103.
- Ramirez, J. Martin. 2007. *Peace Through Dialogue*. International Journal on World Peace. Vol. 24. No. 1. Hlm. 65-81.
- Saritoprak, Zeki & Griffith, Sidney. 2005. *Fethullah Gülen and the 'People of the Book':A Voice from Turkey for Interfaith Dialogue*. The Muslim World. Vol. 95. hlm. 329-340.
- Schleifer, Abdallah. 2015. *The Muslim 500: The World's 500 Most Influential Muslims*. Amman: The Royal Islamic Strategic Studies Centre.
- Sunier, Thijil. 2014. *Cosmopolitan Theology : Fethullah Gulen and the Making of a 'Golden Generation'* . Ethnic and Racial Studies. Vol. 37. No. 12. Hlm. 2193-2208.
- Turam, Berna. 2015. *Gulenology*. American Interest. Vol. 10. Hlm. 24-31.
- Vile, John R. 2010. *An Evangelical Perspective on Religious and Political Views of M. Fethullah Gulen and Gulen Movement*. European Review of Social Psychology. Vol. 4. No. 2. Hlm. 3-29.
- Yavuz, M. Hakan & Koc, Rasim. 2016. *The Turkish Coup Attempt: The Gulen Movement vs State*. Middle East Policy. Vol. 23. No. 4.
- Yucel, Salih. 2010. *Fethullah Gulen: Spiritual Leader in Global Islamic Context*. Journal of Religion and Society. Vol. 12. hlm 1-19.
- Yucel, Salih. 2013. *Muslim-Christian Dialogue: Nostra Aetate and Fethullah Gulen's Philosophy of Dialogue*. Australia ejournal of Theology. Vol 30. No 3.
- Zia-ul-Haq, Muhammad. 2014. *Muslims' Participation in Interfaith Dialogue: Challenges and Prospects*. Journal of Ecumenical Studies. Vol. 49. No. 4. Hlm. 613-646.

### **Penafian**

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.